

# PM kecewa Bumiputera jual permit import kereta

BH 04 OCT 2001

Oleh Kadir Dikoh  
dan Badrila Jamlus

PETALING JAYA, Rabu – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan rasa kecewa kerana ramai Bumiputera yang diberi permit import (AP) kereta, menjual lesen itu kepada bukan Bumiputera bagi mengaut keuntungan segera.

Perdana Menteri berkata, kerajaan ingin melihat Bumiputera berjaya dalam industri automotif dan mengembangkan perusahaan mereka, termasuk berkongsi dengan rakan asing.

“Kita kecewa walaupun kita beri banyak peluang, ramai Bumiputera yang sia-siakan peluang ini. Kerajaan memberikan AP kepada Bumiputera dengan harapan mereka yang berminat boleh berniaga sama ada kereta terpakai atau baru.

“Keuntungan mengimport kereta dulu amat tinggi, tetapi malangnya Bumiputera yang mendapat AP menjualnya kepada orang lain, terutama kepada bukan Bumiputera.

“Walaupun dapat sedikit keuntungan melalui tindakan itu, mereka mengagalkan usaha kerajaan yang mahu melihat lebih ramai Bumiputera terabit dalam perniagaan kereta,” katanya pada majlis pelancaran model sedan Kia Spectra dan pem-

Selama bertahun-tahun AP menjadi tonggak dan nadi industri perniagaan kereta import tempatan khususnya yang dimiliki Bumiputera

bukaan rasmi bilik pameran utama Naza Motor Trading Sdn Bhd, di sini hari ini.

Model sedan Kia Spectra 1.6 liter itu adalah pertama kali dipasang secara komponen tercurai (CKD) di luar Korea Selatan. Model itu yang sebelum ini diperkenalkan di pasaran tempatan secara siap bina (CBU) Februari lalu, dipasang di loji pemasangan kenderaan Automotive Manufactures Malaysia (AMM) milik kumpulan DRB-Hicom di Pekan, Pahang.

Kejayaan usaha itu ialah hasil kerjasama Naza Kia Sdn Bhd dan Kia Motors Corporation, dari Korea Selatan.

AP diperlukan untuk mengimport kenderaan ke negara ini. Selama bertahun-tahun kemudahan AP adalah tonggak dan nadi industri perniagaan kereta import tempatan, khususnya yang dimiliki Bumiputera.

Dr Mahathir memuji sikap Pengarah Urusan Naza Group of Companies, Tan Sri SM Nasimuddin SM Amin yang berani dan ber-

sungguh-sungguh dalam menjalankan perniagaan automobilnya.

Beliau berharap Bumiputera lain akan mencontohi kejayaan itu.

“Beliau (Nasimuddin) bukan saja tidak menjual AP pada sesiapa malah membeli AP dari Bumiputera yang lain. Memandangkan dia Bumiputera, kita tidak marahlah” katanya secara berseloroh.

Mengenai usaha mewujudkan peniaga Bumiputera di pusat pertumbuhan baru yang diwujudkan di merata tempat di negara ini, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan terus melaksanakannya melalui skim Projek Usahawan Bumiputera Dalam Perdagangan Sektor Peruncitan (Prosper) bagi tujuan itu.

Katanya, pada masa ini kerajaan menghadapi masalah kerana ketiadaan peniaga Bumiputera di bandar baru muncul.

“Kita sudah adakan projek Prosper untuk Bumiputera menjalankan perniagaan runcit supaya tempat-tempat baru lebih mencerminkan perpaduan kaum,” katanya.